



# Pekerja swasta ramai tertipu



Harjinder (kiri) menyerahkan dokumen serah terima tugas Ketua Jabatan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Selangor kepada Muhammad, disaksikan Mazlan (tengah).

## Mangsa penipuan atas talian di Selangor sepanjang tahun lalu

SHAH ALAM

Individu berbangsa Melayu berusia 51 tahun dan ke atas serta pekerja swasta adalah kumpulan paling ramai menjadi mangsa sindiket penipuan atas talian atau Macau Scam di Selangor, sepanjang tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur Gurdial Singh berkata, melalui kumpulan usia berkenaan, ia melibatkan 139 individu Melayu, diikuti 113 individu Cina, 32 individu India dan lain-lain bangsa (empat orang).

Menurutnya, pekerja dalam sektor swasta juga dilihat mempunyai statistik tertinggi menjadi mangsa jenayah iaitu 561 orang melibatkan kerugian RM23.4 juta.

"Kebiasaannya ahli sindiket akan menyamar sebagai pegawai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam,

imigresen, pihak mahkamah dan bank seperti Bank Negara termasuklah bank-bank tempatan dan antarabangsa.

"Tujuannya untuk menimbulkan kekusaran mangsa dan memudahkan mereka menipu. Sindiket ini juga dikenalpasti akan menggunakan akaun bank milik rakyat tempatan iaitu 'keldai akaun' untuk mendapatkan wang daripada mangsa," katanya pada Majlis Serah Terima Tugas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Selangor di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor disini, semalam.

Harjinder berkata, jenayah komersial sindiket penipuan pinjaman tidak wujud (PTW) juga mencatatkan statistik tinggi di negeri ini.

"Sebanyak 696 kes dilaporkan pada 2018 dengan kerugian RM7.67 juta. Kebanyakan mangsa adalah pekerja sektor swasta.

"Manakala kes melibatkan parcel scam, love scam atau penipuan wasiat mencatatkan 331 kes dengan jumlah kerugian RM21.3 juta. Sindiket ini mensasarkan golongan wanita berusia 30 tahun dan ke atas," katanya.

Menurutnya, bagi membanteras jenayah berkenaan terus berleluasa, masyarakat harus memainkan peranan

penting membendunginya dari peringkat awal.

"Orang ramai dinasihatkan tidak mudah terpedaya dengan penipuan seperti ini. Elak dedah maklumat peribadi, menerima tawaran menarik di internet, membalas e-mel mencurigakan dan sebagainya.

"Masyarakat juga dinasihatkan tidak melanggar undang-undang sedia ada dengan melakukan jenayah kolar putih seperti tipu dan pecah amanah kerana sesiapapun sahaja didapati bersalah akan didakwa," katanya.

Terdahulu, Harjinder menyempurnakan majlis serah terima tugas Ketua JSJK kepada Timbalannya, Superintendan Muhammad Tarmizi Awang yang akan memangku jawatan itu sehingga Februari depan. Majlis disaksikan Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor.

Harjinder bersara wajib pada 21 Januari ini, selepas berkhidmat selama hampir 41 tahun dalam PDRM. Sepanjang tempoh itu, beliau menjawat pelbagai jawatan penting PDRM, antaranya Cawangan Khas Bukit Aman, Ketua Balai Ibu Pejabat Polis Daerah Klang dan Ketua Unit Jenayah Perbankan, JSJK Bukit Aman.

MACAU SCAM